


MEMERANG

Pembina Empangan Yang Mahir



HARUN YAHYA

اللهم
صلى
عليه
وسلم

A scenic landscape featuring a river in the foreground, lush green trees in the middle ground, and a field of colorful flowers (yellow and pink) in the foreground. The sky is blue with white clouds.

Karim adalah seorang kanak-kanak yang menggemari sukan dan membaca buku dan juga mempunyai minat yang tinggi terhadap haiwan. Dia juga gemarkan perkhemahan musim bunga yang mereka sertai setiap tahun. Tahun ini di perkhemahan tersebut, Karim bertemu dengan Encik Memerang dan Puan Memerang.

Apabila kamu membaca buku ini, kamu akan mempelajari tentang memerang bersama dengan Karim. Kamu akan dapati di sebalik anugerah kemahiran yang mereka miliki semenjak lahir, sahabat baru Karim dapat mereka sebuah rumah yang menakjubkan walaupun suatu tugas yang sangat rumit. Siapakah yang memberikan ilmu kejuruteraan dan kemahiran-kemahiran ini? Di dalam buku ini, kamu akan lihat bahawa hanya ada satu jawapan kepada soalan ini. Terdapat Kuasa Tertinggi yang mengajar mereka semua perkara ini. Kuasa ini adalah milik Allah, Yang menjadikan segala-galanya, termasuk kita.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ



ISBN: 983-9384-48-1
Hakcipta Terpelihara © Harun Yahya

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga carapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Terbitan Pertama Bahasa Melayu, Januari 2004



No. 1-2-1, Prima Peninsula, Jalan Setiawangsa 11,
Taman Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 6-03-42518792, 42510498

Fax: 6-03-42562030

<http://www.saba.com.my>

E-mail: absaba@tm.net.my

Terbitan Bahasa Inggeris oleh Bookwork, Norwich, UK. 1420 CE/1999 AH.

Judul Asal: Beavers: Skillful Dam Constructors

Diterjemahkan oleh
Rohidzir Rais

Penulis:

Harun Yahya

Laman Web:

<http://www.harunyahya.org>

<http://www.harunyahya.com>

<http://www.harunyahya.net>

Dicetak oleh:
Innovation Paper Products Sdn. Bhd.
(400991-V)



**Pembina Empangan
Yang Mahir**

MEMERANG

Terjemahan
ROHIDZIR RAIS



HARUN YAHYA

Pengarang

Pengarang buku ini, yang menggunakan nama pena HARUN YAHYA, telah dilahirkan di Ankara pada 1956. Setelah menamatkan pengajian rendah dan menengahnya di Ankara, dia kemudian mempelajari seni di Universiti Mimar Sinan, Istanbul dan falsafah di Universiti Istanbul. Semenjak 1980-an lagi, pengarang ini telah menerbitkan banyak buku di dalam isu-isu politik, agama dan sains. Harun Yahya dikenali sebagai seorang pengarang yang telah menulis hasil kerja penting yang menyingkap keruntuhan evolusi, kepalsuan dakwaan-dakwaan mereka dan hubungan jahat di antara fahaman Darwin dan ideologi-ideologi berdarah lain.



Nama penanya adalah gabungan daripada nama "Harun" (Aaron) dan "Yahya" (John), sebagai ingatan kepada dua orang nabi yang gigih menentang kepincangan iman. Cap Nabi di kulit buku ini mempunyai makna simbolik berkaitan dengan kandungannya. Cap ini mewakili Al-Quran, kitab dan kalam Allah yang terakhir, dan nabi kita, penutup segala nabi.

Berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah, pengarang meletakkan matlamatnya untuk menyangkal setiap ajaran asas ideologi-ideologi tidak beragama dan untuk memberikan mereka "kata akhir", dengan itu

ia dapat melenyapkan penentangan terhadap agama. Cap nabi ini, yang mengandungi kesempurnaan dari segi kebijaksanaan dan moral, digunakan sebagai tanda matlamatnya menyatakan kata akhir ini.

Semua hasil kerja pengarang ini berlegar pada satu matlamat: untuk menyampaikan ajaran Al-Quran kepada manusia, untuk menggalakkan mereka memikirkan tentang isu-isu keagamaan, seperti kewujudan Allah, kesatuan-Nya dan Hari Akhirat, dan untuk mendedahkan dasar-dasar lemah dan hasil kerja sesat sistem tanpa Tuhan.

Harun Yahya mempunyai ramai pembaca di banyak negara, daripada India ke Amerika, England ke Indonesia, Poland ke Bosnia, dan Sepanyol ke Brazil. Sebahagian bukunya boleh didapati di dalam bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Itali, Sepanyol, Portugis, Urdu, Arab, Albania, Rusia, Serbo-Croat (Bosnia), Poland, Melayu, Uygur, Turki, dan Indonesia, dan ia telah dibaca oleh pembaca seluruh dunia.

Dihargai di seluruh dunia, hasil kerja ini telah membantu ramai orang untuk beriman dengan Allah dan sebahagian yang lain pula mendalami keimanan mereka. Gaya ilmiah, lurus dan mudah difahami yang digunakan memberikan buku-buku ini sentuhan berbeza yang menyedarkan sesiapa sahaja yang membaca atau mengkajinya. Tidak dapat disanggah, hasil kerja ini dikenali dengan sifat-sifat keberkesananannya, hasil memuaskan dan tidak dapat disanggah. Selalunya sesiapa yang

membaca buku-buku ini dan memikirkannya dengan serius tidak akan menyokong falsafah-falsafah materialistik, ateisme dan ideologi-ideologi dan falsafah-falsafah sesat lain. Jika mereka masih menyokongnya, itu adalah penolakan sentimental kerana buku-buku ini telah membatalkan ideologi-ideologi ini dari dasarnya lagi. Semua gerakan moden ini telah dikalahkan secara ideologinya hari ini, terima kasih kepada koleksi buku-buku tulisan Harun Yahya.

Tidak dapat dinafikan, natijah ini disebabkan oleh keilmiah dan kejelasan Al-Quran. Pengarang tidak merasa megah; sebaliknya dia hanya bermaksud untuk membantu sesiapa sahaja yang mahu mencari jalan Allah yang lurus. Tambahan pula, tiada ganjaran materialis diperolehnya daripada penerbitan buku-buku ini.

Oleh itu, sesiapa sahaja yang menggalakkan orang ramai membaca buku-buku ini, yang membuka "mata" hati dan membimbing mereka menjadi hamba Allah yang taat, telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai.

Sementara itu, adalah membuang masa dan tenaga mempropagandakan buku-buku lain yang mengelirukan minda orang, mengheret mereka kepada ideologi sesat, dan yang tidak dapat menghilangkan keraguan di dalam hati manusia, seperti yang dibuktikan daripada pengalaman-pengalaman lepas. Adalah mustahil untuk buku-buku yang lebih menitikberatkan kehebatan

pengarang daripada matlamat murni untuk menyelamatkan manusia daripada kehilangan iman, untuk berkesan. Mereka yang meragui perkara ini dapat melihat matlamat buku-buku Harun Yahya ini adalah untuk mengatasi kekufuran dan menyebarkan nilai-nilai moral Al-Quran. Kejayaan dan keberkesanan kerja ini dapat dilihat pada pengakuan pembaca-pembaca.

Satu perkara yang perlu diingati; Punca utama berlarutnya kekejaman dan konflik, dan semua penderitaan yang dialami manusia, ialah ideologi-ideologi kufur. Perkara ini hanya dapat diselesaikan dengan mengalahkan ideologi kufur ini dan memastikan semua manusia mengetahui tentang keajaiban ciptaan Allah dan moral Al-Quran, semoga manusia dapat hidup dengannya. Melihat kepada keadaan dunia hari ini, yang memaksa manusia melakukan keganasan, rasuah dan konflik, jelaslah kerja ini perlu dilakukan dengan lebih cepat dan berkesan. Atau, ia mungkin akan terlambat.

Tidak keterlaluhan jika dikatakan koleksi buku-buku Harun Yahya telah menjalankan tanggungjawab ini. Dengan izin Allah, buku-buku ini akan menjadi penyebab bagi manusia di abad ke-21 ini untuk mendapatkan kedamaian dan kebahagiaan, keadilan dan kegembiraan yang dijanjikan di dalam Al-Quran.

Karim adalah watak pertama di dalam buku kita ini. Dia gemar bersukan, membaca buku dan amat berminat dengan haiwan-haiwan. Terima kasih kepada buku-buku yang telah dibacanya, dia telah belajar banyak perkara tentang haiwan. Malah dia mengetahui perkara-perkara tentang haiwan yang orang lain tidak mengetahuinya. Dia mengenali haiwan-haiwan di dalam gambar dan mengetahui sifat-sifat mereka dengan baik. Kerana itulah, sahabat-sahabatnya sukakan Karim. Mereka suka berbual dengannya ketika rehat atau ketika pergi atau balik daripada sekolah.

Ibu bapanya mengetahui tentang minat Karim terhadap alam semula jadi. Oleh itu, mereka membawanya berjalan pada hujung minggu dan ketika cuti apabila cuaca baik. Di antara perjalanan-perjalanan ini, Karim paling sukakan



perkemahan musim bunga yang mereka pergi setiap tahun, kerana banyak perkara menarik berlaku kepadanya di dalam perkhemahan ini. Dia dapat berkenalan dan bersahabat dengan berbagai manusia, dan mempelajari tentang makhluk-makhluk yang menakjubkan. Apabila waktu perkhemahan semakin hampir, Karim menjadi lebih beria-ia tentang pengalaman-pengalaman mengejutkan dan pengembaraan yang akan diperolehnya di perkhemahan itu tahun ini.

Sekarang mari kita lihat apa yang berlaku kepada Karim di perkhemahan ini dan kita juga akan bertemu dengan watak-watak lain.





Hari Pertama Di Perkemahan Musim Bunga

Hari pertama perkhemahan ini agak sibuk daripada hari-hari berikutnya kerana ibubapa Karim perlu memasang sebuah khemah dan mengeluarkan barang-barang mereka. Ketika mereka telah selesai menyiapkan kerja-kerja mereka, hari telah pun gelap. Jadi, Karim terpaksa menunggu sehingga pagi esok untuk melihat keadaan sekelilingnya.

Pagi berikutnya, Karim bangun awal dan membangunkan ayahnya dan mereka merancang untuk menjelajah perkhemahan tersebut, yang Karim belum pernah sampai ke sana sebelum ini. Terdapat pokok-pokok besar di merata-rata tempat. Di sebalik pokok-pokok ini ialah sebatang sungai yang deras dengan bunga-bunga yang cantik dan berwarna-warni di tebing-tebingnya.

Karim gembira sekali mendengar bunyi air mengalir yang hampir menenggelamkan kicauan dan decitan lagu burung-burung. Pemandangan yang dilihatnya menyebabkannya merasa kagum dan mereka berada di sana beberapa lama. Tetapi hari telah lewat, dan ayahnya memberitahunya bahawa telah tiba masa untuk pulang, jadi mereka berpatah balik.



Karim memberitahu kakak, abang dan ibunya tentang pemandangan menakjubkan dan sungai yang telah mereka saksikan. Mereka menyatakan bahwa mereka juga berminat untuk pergi bersama dengannya esok. Mereka bertanya-tanya dari manakah bunyi bising itu datang.

Keesokan harinya, Karim, kakak dan abangnya merancang untuk menjelajah kawasan tersebut. Apabila mereka sampai di tebing sungai, Karim mendapati beberapa batang pokok yang dilihatnya semalam telah ditebang. Ia telah ditumbangkan dan hanya akarnya sahaja yang tinggal. Ketika Karim sedang bertanya-tanya siapakah yang menebang pokok-pokok tersebut dan mengapa, kakaknya memanggil:

“Lihat Karim, ada kayu balak di dalam air”.

Karim terperanjat. Dia bertanya-tanya mengapa



ada orang yang melakukan perkara seperti ini. Dia juga tidak dapat melihat sesiapa di sekelilingnya. Selepas meluangkan masa yang agak lama di atas tebing sungai, mereka kembali ke perkhemahan.

Karim, kakak dan abangnya pergi semula ke tebing sungai tersebut beberapa hari kemudian, dan menjadi bertambah hairan kerana mereka mendapati setiap hari beberapa batang pokok telah ditebang dan dicampakkan ke dalam sungai. Tambahan pula, ranting-rantingnya telah dipisahkan daripada pokok dengan cermat, dan dilonggokkan dengan sengaja bersama dengan kayu balak. Sekarang bunyi bising sungai telah diperlahankan dan sebuah kolam kecil telah mula terbentuk. Karim mula memikirkan bahawa perkara ini tidak mungkin berlaku secara kebetulan. Seolah-olah ada orang yang bekerja keras di tebing sungai ini setiap hari dan melakukannya dengan tujuan tertentu. Siapakah orang yang penuh misteri itu?



Sudah tentu kamu tertanya-tanya apa longgokan balak ini buat di dalam air. Jadi teruskan membaca. Apa yang akan kamu pelajari adalah sesuatu yang memeranjatkan dan juga menyeronokkan.

Karim membuat rancangan untuk memuaskan hatinya. Dia bercadang untuk pergi ke tebing sungai lebih awal, untuk mencari siapa yang telah melakukan semua perkara ini. Dia memberitahu abangnya dan meyakinkannya untuk pergi bersamanya. Pagi berikutnya, mereka menjalankan rancangan mereka.



KARIM BERTEMU DENGAN ORANG ASING YANG PENUH MISTERI

Apabila mereka hampir kepada sungai, Karim mula berjalan di atas hujung jari kakinya. Dia melihat lebih banyak ranting-ranting dan kayu balak di dalam air. Dia melihat sekeliling dan menyangka tiada sesiapa di kawasan sekitar. Dia hampir memanggil abangnya, apabila tiba-tiba dia melihat dua ekor haiwan yang cantik terapung-apung di atas air. Dia bersembunyi. Tanpa melihat Karim, haiwan-haiwan ini menyambung kerja mereka. Tidak lama kemudian, abangnya yang bernama Imran, datang dan berbisik kepada Karim dengan perasaan kagum: "Jadi memerang inilah yang menebang pokok-pokok dan membawanya ke dalam air". Karim sangat gembira melihat memerang yang betul-betul hidup,

Di sebalik pokok, Karim dan Imran memerhatikan memerang-memerang tersebut dan tugas menakjubkan yang mereka lakukan, tanpa menyedari mereka sedang diperhatikan.



yang telah dilihatnya di dalam buku-buku tetapi dia tidak tahu banyak tentangnya. Mereka memerhati kedua-dua haiwan yang menarik dan kuat bekerja ini sepanjang hari.

Abang Karim memberitahunya bahawa memerang ini sedang cuba mengempang air supaya mereka dapat membina sebuah rumah. Kelakuan memerang ini amat menakjubkan. Mereka meletakkan ranting-

ranting yang mereka bawa dengan mulut mereka di hadapan longgokan terbesar yang mereka telah bawa ke dalam air. Kemudian mereka naik ke tebing dan menuju ke arah pokok-pokok berhampiran. Salah seekor memerang ini memakan daun-daun pokok, dan kemudian mula mengerit kulit pokok dengan giginya. Ia mengerit kayu di sekeliling batang pokok, dalam keadaan yang sama pada setiap bahagian. Ia melakukannya sehingga bahagian pokok yang pecah menjadi seperti sebatang pencil yang ditajamkan.

Ketika memerang tersebut mengerit batang pokok, Karim tertanya-tanya bagaimana haiwan yang kecil ini akan membawa pokok yang besar.



Pada ketika itu juga, pokok itu jatuh ke dalam air, menyelesaikan masalah bagaimana ia akan dibawa.

Kemudian memerang yang seekor lagi pula datang dan mula mengerit sebatang pokok, yang sekali lagi jatuh terus ke dalam air. Kemudian, yang lain, kemudian yang lain... Semua pokok-pokok yang memerang-memerang tebang, tumbang dan jatuh ke dalam air. Seolah-olah ketika memerang-memerang itu mula mengerit pokok-pokok tersebut, mereka telah membuat pengiraan untuk memastikannya jatuh ke dalam air. Karim terperanjat kerana dia tidak terfikir cara seperti ini untuk membawa pokok-pokok tersebut. Dia memberitahu Imran apa yang difikirkannya dan mendapati dia juga berpendapat sedemikian.





Sebelum mula bekerja, memerang memakan daun-daun yang dibawa, dan ini memberikan mereka tenaga.



Di dalam halaman berikutnya, kamu dapat melihat pokok-pokok yang ditebang oleh memerang. Jangan lupa haiwan kecil yang menebang pokok-pokok besar, melakukannya dengan dorongan daripada Allah.





Imran: Terus terang saya katakan, saya juga tidak terfikir bagaimana hendak melakukannya. Tetapi saya pernah terbaca tentangnya. Memerang membuat anggaran bagaimana untuk membolehkan pokok jatuh ke dalam air dan mengerit pokok pada sudut tertentu. Tetapi apabila mereka gagal, mereka akan mengheret pokok tersebut ke dalam air dengan gigi mereka. Karim, saya rasa sudah cukup untuk hari ini. Apakah kamu mahu saya beritahu kamu lebih banyak tentang memerang apabila kita kembali ke perkhemahan? Kita boleh membaca tentang mereka jika kamu mahu.

Karim: Ya, saya suka melakukannya. Saya kagum bagaimana memerang ini dapat membuat anggaran seperti itu dan bertindak dengan begitu bijaksana. Ia juga amat mengelirukan. Mengapa mereka mengempang sungai untuk membina sebuah rumah? Tidakkah gigi mereka rosak dengan memakan kulit pokok? Saya mempunyai banyak persoalan berkenaan dengannya. Saya boleh bercakap tentang mereka sepanjang malam.

Imran: Baiklah, tetapi kita mesti kembali ke perkhemahan sekarang. Kita banyak membuang masa berbual, dan hari sudah hampir gelap. Mari kita kembali sebelum ibu bimbangkan kita. Lagipun, saya merasa mengantuk dan letih. Marilah cepat.

Mereka bergegas pulang ke perkhemahan dalam keadaan tergesa-gesa. Bagaimanapun, banyak persoalan-persoalan terlintas di fikiran Karim dalam

perjalanan pulang. Sebaik sahaja mereka sampai ke perkhemahan, mereka menikmati hidangan lazat yang disediakan oleh ibu mereka. Kemudian mereka mencari memerang di dalam buku-buku. Tetapi Karim mendapati Imran telah tertidur. Oleh itu Karim mula membaca sendirian.

Ini meninggalkan Karim sendirian bersama dengan persoalan-persoalan di dalam fikirannya. Jadi dia membuat rancangan baru. Dia akan bertemu dengan memerang-memerang tersebut pagi esok dan akan belajar daripada mereka apa yang mereka lakukan. Tidak lama kemudian dia pun tertidur...



Apabila mereka gagal untuk menjatuhkan pokok ke dalam air, memerang akan mengheret balak-balak ini ke dalam air dengan gigi mereka. Di dalam gambar di atas, kamu melihat Encik Memerang sedang mengheret sebatang pokok.





SATU KEJUTAN BESAR

Karim bangun awal pagi dan segera pergi ke tebing sungai. Sekali lagi dia menemui memerang-memerang sedang bekerja. Dengan mengumpulkan keberaniannya, dia menghampiri mereka dan berkata:

"Helo, nama saya Karim. Bolehkah saya berkawan dengan awak?"

Haiwan-haiwan tersebut mulanya merasa terkejut, tetapi melihatkan sikap persahabatan yang ditunjukkan Karim, memerang yang paling besar tampil ke hadapan dan membalas:

"Sudah tentu, nama saya Encik Memerang. Dan ini isteri saya Puan Memerang. Gembira bertemu dengan anda".

Ini membuatkan Karim gembira, kerana sekarang dia dapat bertanya mereka apa yang menghairkannya. Jadi mereka mula berbual:

Karim: Saya telah memerhatikan kamu dengan rasa ingin tahu beberapa lama, dan terdapat banyak soalan yang hendak saya tanya kepada kamu... Bermula dengan batang-batang pokok. Encik Memerang, mengapa kamu mengheret batang-batang ini ke dalam air dan meletakkannya di atas yang lain?

Encik Memerang: Semua pasangan memerang, seperti kami, berpindah untuk membina rumah baru. Kami sampai ke sini tidak lama dahulu, dan baru berpindah ke sungai ini. Sekarang kami sedang membina kediaman kami. Tetapi untuk melakukannya, kami memerlukan air yang tenang. Jadi kami perlu menyekat aliran air dahulu. Kerana



itulah kami longgokkan balak-balak ini untuk membentuk kolam tiruan.

Karim: Jadi kamu sedang membina sebuah empangan? Hebat. Adakah kamu tahu? Kami manusia juga membina empangan sejak beberapa lama dengan cara yang sama untuk menyekat aliran air. Sebelum ini guru geografi kami mengajar kami tentang empangan-empangan di dalam negara kami dan menjelaskan bagaimana ia dibina. Ia sungguh memeranjatkan, saya fikir sudah tentu ia amat sukar untuk membina sebuah tembok di hadapan air yang mengalir. Tetapi apa yang kamu lakukan adalah lebih menakjubkan dan sukar. Bagaimana kamu dapat menyekat aliran air yang deras? Bagaimana kamu menemui cara ini? Adakah kamu memilih untuk melakukannya dengan cara ini apabila kamu melihat empangan-empangan buatan manusia?...

Di dalam kekaguman ini, Karim telah menyoal satu demi satu soalan. Kata-katanya dan kekagumannya membuatkan Encik Memerang tersenyum, kerana apa yang mereka lakukan adalah terlalu mudah sehinggakan mereka tidak pernah memikirkannya.

Encik Memerang: Baik, Karim, berhenti seketika. Saya akan menjawab soalan-soalan kamu satu persatu. Jangan bimbang, kamu akan belajar semuanya. Pengetahuan kami tentang bagaimana untuk membina empangan-empangan dan untuk membina kediaman-kediaman seperti ini kami dapatnya secara semula jadi. Sudah tentu, pengetahuan ini tidak datang kepada kami secara kebetulan. Bukannya suatu hari tiba-tiba kami berkata, "Mari bina sebuah empangan dan membina sebuah kediaman di dalam air". Kami telah memiliki pengetahuan ini, kerana ia telah diajarkan kepada kami sebelum kami lahir. Kerana itu, kami mengetahui apa yang perlu dilakukannya dengan begitu baik dan melakukan kerja-kerja kami dengan jayanya. Sekali lagi, terima kasih kepada pengetahuan ini, kami tahu bagaimana menumbangkan pokok-pokok besar dan membawanya ke dalam air.

Mendengar kepada Encik Memerang dengan penuh kekaguman, Karim telah dikejutkan oleh suara Imran di belakangnya:

"Saya boleh menjawab semua soalan-soalan kamu Karim. Tetapi sebelum itu kamu mesti jelaskan.

Mengapa kamu meninggalkan perkhemahan sendirian? Sudah tentu kami akan bimbang jika kami tidak melihat surat ringkas kamu.

Karim: Saya... saya minta maaf. Saya begitu gembira sehinggakan tidak dapat menghalang daripada datang ke sini. Tapi saya tahu kamu pasti akan melihat surat ringkas saya. Bolehkah kamu beritahu saya siapakah yang mengajar memerang ini semua perkara ini?

Imran: Baiklah Karim. Kamu masih ingat kita membaca Al-Quran bersama-sama minggu lepas? Allah berfirman di dalam banyak ayat bahawa Dialah yang menjadikan segala yang ada di langit, di bumi dan di antara keduanya. Kita bercakap tentang haiwan-haiwan yang kita ketahui dan tentang perlakuan-perlakuan mereka yang istimewa. Kemudian kita merumuskan bahawa mereka tidak dapat melakukan perkara-perkara ini sendiri dan sebenarnya mereka telah diajar bagaimana untuk bertindak oleh satu Pencipta.

Karim: Ya, saya ingat.

Imran: Semua hidupan bertindak berdasarkan apa yang telah diajarkan kepada mereka oleh Allah. Sejak mereka baru dilahirkan, mereka semua telah mengetahui bagaimana untuk bertindak. Untuk

memahami tindakan-tindakan mereka, kita manusia melakukan kajian-kajian dan menjalankan penyelidikan-penyelidikan selama beberapa tahun; dan kita menggunakan alat-alat berteknologi, membaca buku-buku dan melakukan eksperimen-eksperimen. Tetapi perkara-perkara ini yang kita berusaha keras untuk memahaminya dilakukan dengan mudah oleh haiwan-haiwan. Contohnya, mereka membuat kiraan-kiraan yang membingungkan pakar-pakar sekalipun. Encik Memerang dan Puan Memerang melakukan apa yang telah diajarkan Tuhan kita kepada mereka untuk dilakukan. Jika Encik Memerang memberitahu kita lebih banyak tentang apa yang mereka lakukan, kamu akan dapat memahami apa yang saya maksudkan dengan lebih baik.

Encik Memerang: Ya, Karim. Nanti saya akan memberitahu kamu secara terperinci tentang rumah yang sedang kami bina. Kamu juga akan mengetahui bahawa adalah mustahil untuk kami melakukan semua perkara ini dengan menggunakan kebijaksanaan kami sendiri.



Karim mendengar Encik Memerang dan Imran dengan teliti, kerana dia menyedari kepentingan perbualan ini. Jadi dia memutuskan untuk memberi perhatian terhadap apa yang mereka katakan dan bertanya tentang perkara-perkara yang gemar dipelajarinya.

Karim: Encik Memerang, saya rasa kamu menggunakan kaki dan gigi kamu menebang pokok-pokok untuk membentuk kolam ini. Tetapi mengapa gigi kamu begitu kuat? Gigi saya, misalnya, pasti akan patah jika saya cuba menggigit sebatang ranting. Saya tidak akan melakukannya.

Encik Memerang: Soalan yang baik, Karim. Saya dan isteri saya dapat menebang kira-kira 400 batang pokok setahun. Kami melakukannya dengan mengerit dengan gigi kami. Kami menggunakan empat gigi hadapan untuk mengerit ranting-ranting pokok. Gigi kami juga akan menjadi haus, walaupun bukan sehaus seperti gigi kamu, dan kadang kala patah. Tetapi ini tidak menjejaskan kami, kerana



gigi hadapan kami, yang digelar gigi kacip, akan terus tumbuh sepanjang hidup kami.

Karim: Jadi gigi kamu tumbuh berterusan, sama seperti kuku kami, bukan?

Puan Memerang: Biar saya jawab soalan kamu karim. Ya, kamu betul. Allah menjadikan gigi kami berbeza daripada hidupan lain. Jika Dia tidak melakukannya, kami tidak akan dapat mencari makan dan membina rumah kami, yang pasti tidak baik untuk kami. Kerana anggota-anggota spesies kami akan mati kebuluran, spesies kami akan perlahan-lahan menjadi pupus, iaitu, kami tidak akan berada di sini hari ini. Kamu tidak akan menemui walau seekor pun memerang di muka bumi ini. Bagaimanapun, gigi saya, seperti juga gigi Encik Memerang dan semua memerang lain, tumbuh dengan cepat. Seperti yang dapat kamu lihat, gigi kami amat penting kepada kami.

Karim: Baiklah. Tetapi sekarang bagaimana kamu belajar berenang? Saya telah mempelajarinya baru-baru ini. Bagaimana kamu menjadi perenang yang sempurna?



Encik Memerang: Karim, semua memerang boleh berenang tidak lama selepas mereka dilahirkan. Ia amat mudah bagi kami, kerana tubuh kami sesuai untuk berenang. Contohnya, kaki kami berselaput, supaya kami dapat menolak air dengan mudah, dan selain daripada itu, ekor kami yang leper bertindak sebagai sirip, supaya kami dapat bergerak dengan mudah di dalam air. Seperti mana kamu memakai gogal untuk melindungi mata kamu daripada air dan membantu kamu melihat di dalam air, kami mempunyai gogal semula jadi. Dan telinga dan lubang hidung kami dapat menutup dengan rapat untuk menghalang air. Kami juga mempunyai tiga kelopak mata pada setiap mata. Salah satu daripadanya adalah separuh lut sinar, membolehkan kami melihat di dalam air dan juga melindungi mata kami daripada kemungkinan bahaya dalam air.

Karim: Sahabat-sahabat kecilku, saya juga boleh berenang dengan pantas dan mudah apabila saya memakai sirip renang di kaki saya. Ayah saya yang membelikan saya sirip renang itu, tetapi kamu memilikinya sejak lahir. Allah telah menjadikan kamu dengan sifat-sifat yang kamu perlukan.

Imran: Kamu betul, Karim. Encik Memerang bolehkah kamu tolong terangkan kepada kami lebih lanjut tentang empangan-empangan yang kamu bina?

Encik Memerang: Mula-mula, kami heret kayu-kayu balak dan ranting-ranting ke dasar sungai.

Kemudian kami longgokkan ranting-ranting yang ringan di atas yang berat. Tetapi kami perlu meletakkannya dengan cermat di tempatnya, jika tidak air yang mengalir akan menghanyutkan apa yang telah kami bina. Kerana itulah, kami menambah kayu-kayu balak dan menguatkannya dengan batu-batu. Tetapi ia masih tidak begitu kuat, oleh itu, kami perlu menampungnya. Jadi kami lekatkan ranting-ranting ini bersama dengan satu campuran khas daripada lumpur dan daun-daun. Campuran kalis air ini juga tahan kepada kesan-kesan hakisan air.

Karim: Jika tidak sudah tentu kamu tidak dapat membina rumah yang kering di dalam air, segala usaha kamu akan sia-sia.

Puan Memerang: Kamu betul, Karim. Tetapi, empangan yang kami bina ini sangat kuat dan ia menjadi bertambah besar dan kuat setiap hari. Apabila empangan bertambah besar, paras air yang dikumpulkan sebelum ini meningkat. Oleh itu, selepas beberapa bulan, sebuah kolam empangan terbentuk. Tetapi apabila kolam menjadi bertambah besar, kami mesti menguatkan dan membaiki empangan ini. Seperti yang dikatakan oleh Encik Memerang, kami meletakkan di kawasan antara ranting-ranting ini dengan lumpur dan semak. Lagipun, terdapat satu lagi perkara yang sangat penting, adakah kamu perasan bentuk empangan kami? Ia kelihatan seperti sebuah lengkungan, bukannya begitu?



Yang demikian (sifat-sifat-Nya dan kekuasaan-Nya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka beribadatlah kamu kepada-Nya. Dan (ingatlah) Dia lah yang mentadbirkan segala-galanya.

(Surah Al-An'am: 102)





Seperti mana ekor yang berfungsi sebagai sirip (di atas), kaki, gigi, malah setiap anggota badan memerang telah dijadikan dengan begitu istimewa dan sempurna oleh Allah. Tanpa sifat-sifat ini, memerang tidak mungkin dapat hidup.



Memerang menggunakan lumpur untuk membina rumah mereka. Mereka melekatkan ranting-ranting dan kayu-kayu balak dengan lumpur.

Bentuk ini yang dilenturkan ke dalam dipanggil cekung. Semua empangan-empangan dibina memerang secara cekung. Kami cuba untuk menyekat air pada sudut 45 darjah.

Tertarik dengan apa yang Encik dan Puan Memerang ceritakan kepadanya, Karim menyampuk:

Karim: Bagaimana kamu mengetahuinya? Kami pernah pergi ke sebuah empangan bersama guru kami, dan pada hari itu dia memberitahu kami bahawa empangan-empangan moden telah dibina sama seperti kamu punya. Semuanya melengkung ke dalam. Dia juga memberitahu kami bahawa kerana bentuk ini, yang digelar cekung, manusia dapat mengempang air pada sudut 45 darjah tepat.



Empangan-empangan cekung yang kuat adalah amat sesuai untuk menahan tekanan air. Tetapi bagaimana kamu memperoleh pengetahuan seperti ini, Encik dan Puan Memerang? Siapakah yang mengajar kamu? Saya tahu empangan tersebut telah dibina oleh jurutera-jurutera. Kakak saya juga seorang jurutera; dia terpaksa meluangkan masa bertahun-tahun untuk pengajian sebelum dia dapat menjadi seorang jurutera. Tetapi kamu tidak boleh



Encik Memerang menerangkan kepada Karim bagaimana mereka membawa kayu-kayu balak dan ranting-ranting pokok ke dalam air (halaman sebelah) dan kemudian bagaimana Puan Memerang melekatkannya.





Ranting-ranting yang dilonggokkan ini tidak lama lagi akan membentuk rumah memerang.



Ketika membina rumah mereka, memerang-memerang ini dengan pantas membawa ranting-ranting kecil terlebih dahulu. Allah menjadikan makhluk ini begitu mahir dan bijak.





Kemudian pecahan-pecahan kayu yang lebih berat dan ranting-ranting dibawa oleh memerang-memerang yang rajin ini.




Memerang menggunakan lumpur untuk membina rumah mereka. Mereka melekatkan ranting-ranting dan kayu-kayu balak dengan lumpur.



pergi ke sekolah, jadi bagaimana kamu dapat mengetahuinya? Siapakah yang mengajarkan kamu pengetahuan ini?

Imran: Karim, adalah mustahil untuk keluarga memerang ini melakukan semua ini dengan cara yang rawak. Apakah kamu masih ingat kamu pernah bertanya kepada saya tentang seorang yang bernama Darwin? Di mana buku yang kamu baca menyatakan bahawa haiwan-haiwan telah wujud dan memperoleh ciri-ciri mereka secara kebetulan.


Sementara Puan Memerang menerangkan kepada Karim bagaimana mereka membina empangan...



Kamu dapati ia tidak masuk akal dan menganggap apa yang telah dikatakan oleh Darwin adalah satu pembohongan.

Karim: Ya, saya ingat. Dan saya memahami kamu dengan baik. Sudah tentu, Encik Memerang dan Puan Memerang tidak mempelajari perkara-perkara ini secara kebetulan. Sudah tentu Darwin telah menipu manusia.

Encik Memerang: Seperti yang telah saya katakan sebelum ini, kami tahu bagaimana hendak



Apa yang mengejutkan Karim ialah bagaimana memerang dapat membina sebuah empangan yang sama seperti yang dilakukan oleh manusia.






Karim memerhatikan Encik Memerang dan Puan Memerang dengan penuh kekaguman dan kehairanan ketika mereka perlahan-lahan membina empangan. Dia berfikir, "Bagaimana mereka melakukannya?".






melakukan semua ini sejak lahir. Kamu adalah seorang budak yang bijak, Karim. Sudah tentu saya tidak pernah pergi ke sekolah. Dan sudah tentu juga saya tidak menemui perkara ini dengan cara mencuba. Jika sesiapa mengemukakan pendapat yang tidak masuk akal ini, kamu dapat menyoalnya dengan beberapa soalan:

Jika kita anggarkan seekor memerang, mengetahui bagaimana hendak membina rumah ini secara kebetulan, kita lihat semua memerang membina



Di dalam gambar ini, kamu boleh lihat Darwin, yang telah berbohong dan cuba menipu semua orang. Karim adalah seorang budak yang pintar. Terima kasih kepada apa yang diberitahukan oleh Imran dan buku-buku yang telah dibacanya, dia dengan segera mengetahui bahawa Darwin adalah seorang yang membingungkan manusia.



rumah mereka dengan cara yang sama. Adakah mereka mengetahuinya secara kebetulan juga?

Apabila gigi saya telah haus, gigi yang baru akan tumbuh di tempatnya. Ia sama sahaja pada semua memerang. Bukankah telah jelas di sini bahawa ia tidak mungkin berlaku secara kebetulan?

Seperti yang dapat kamu lihat, seseorang itu perlu berfikir untuk melihat bagaimana mustahilnya perkara ini dan bagaimana tidak masuk akal nya dakwaan ini. Tolong tanya kakak kamu di dalam kursus yang mereka pelajari bahawa empangan mesti dibina pada sudut 45 darjah dan perkiraan apakah yang mereka perlu lakukan. Kemudian kamu akan lebih memahami saya.

Karim: Memang betul Encik Memerang. Jelaslah bahawa suatu Kebijaksanaan Tertinggi telah mengajar kamu semua perkara-perkara ini. Ibu saya memberitahu saya bahawa Allah itu Maha Bijaksana. Ia adalah bukti kebijaksanaan Tuhan kita yang tiada tolak bandingannya maka Dia mengajarkan kepada kedua-dua kamu dan memerang-memerang lain dan begitu juga kepada memerang-memerang yang pernah hidup setakat ini. Saya juga tahu bahawa bukan kamu sahaja yang Allah ajarkan apa yang perlu dilakukan, tetapi juga kepada semua hidupan.

Imran: Ya, Karim. Allah menjadikan semua benda hidup dan menguasai semuanya. Seperti yang dinyatakan di dalam sepotong ayat Al-Quran:

Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Ia kehendaki (selain dari yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah An-Nuur: 45)





PERBUALAN BERTERUSAN...

Karim: Encik Memerang kamu katakan bahawa kamu membina empangan ini untuk membina sebuah rumah. Tetapi saya tidak dapat melihat apa-apun yang kelihatannya seperti sebuah rumah. Hanya terdapat longgokan kayu-kayu balak. Di mana kamu membina rumah kamu?

Encik Memerang: Memang betul. Kamu tidak dapat melihat rumah kami dari luar. Kami membinanya seperti ini bertujuan supaya ia menjadi tempat yang lebih selamat. Ketika membina empangan, kami juga menyediakan rumah kami di atas tebing kolam, berhampiran dengan darat. Rumah kami kelihatan seperti satu longgokan kayu-kayu daripada luar. Tetapi kamu jangan terpedaya dengannya; kami membina dalamnya dengan cermat. Paling utama, keselamatan amat penting kepada kami. Kerana itulah, satu-satunya pintu masuk ke rumah kami ialah di bawah air. Sudah tentu, tiada siapa yang dapat memasukinya dengan mudah. Kami melalui terowong-terowong rahsia untuk masuk dan keluar.

Karim: Sungguh hebat. Rumah kamu adalah seperti sebuah kubu yang dikelilingi oleh parit-parit.



Tentu kamu bertanya-tanya, "Apa gunanya longgokan ranting-ranting ini di dalam air?" Gambar ini menunjukkan sebahagian daripada rumah memerang, yang berada di atas permukaan air.

Ia hampir mustahil untuk dimasuki.

Encik Memerang dan Puan Memerang ketawa terhadap ulasan Karim.

Encik Memerang: Terowong ini membawa ke sebuah bilik. Kami pastikan bilik ini berada di atas paras air. Keluarga kami tinggal di dalam bilik yang kering dan selamat ini. Kadang kala kami membina rumah dua tingkat, di mana pintu masuk dan ruang tamu di tingkat pertama, dan bilik makan dan bilik tidur di tingkat kedua. Rumah yang kami bina mempunyai dua pintu masuk bawah air dan satu saluran pengudaraan di bahagian atas. Dengan cara ini, selain daripada selamat daripada bahaya luaran, kamu juga hidup dengan selesa.

Karim: Ini adalah perkara yang menakjubkan. Tidak nampak pun adanya sebuah bilik di bawahnya; ia kelihatan seolah-olah ia hanyalah longgokan kayu-kayu dan ranting-ranting. Ini adalah satu susunan yang hebat. Saya mempunyai satu lagi

soalan: berapa dalamkah kolam ini? Dari sini ia kelihatan agak dalam.

Encik Memerang: Kadang-kadang ia sedalam 3 hingga 4 meter. Sebenarnya, kami tidak memerlukan air yang dalam untuk membina rumah kami. Tetapi, permukaan kolam akan membeku pada musim sejuk dan satu lapisan ais yang tebal terbentuk di atasnya. Jika air tidak cukup dalam, pembekuan akan turun ke bawah sehinggakan seluruh kolam akan beku sepenuhnya. Dalam keadaan ini, sudah tentu kami tidak dapat bergerak di sekeliling kolam ini. Oleh itu, kami dalamkan kolam ini sedalam yang boleh. Kemudian jika permukaannya beku, masih terdapat lapisan air di bawah kolam ini, yang membolehkan kami bergerak dan mencari makan.

Imran: Kamu tahu, Karim. Encik Memerang dan Puan Memerang mengetahui dengan baik apa yang mereka lakukan. Jika kita membina sebuah rumah





Memerang berenang melalui sebuah terowong untuk memasuki rumah mereka. Hanya memerang yang tahu tentang terowong ini.





Memerang adalah hewan yang sangat bijak. Apabila rumah mereka rusak, mereka akan segera menyedarinya dan memperbaikinya, seperti yang dapat dilihat di dalam gambar di sebelah kanan ini.




Membuat persediaan untuk musim sejuk adalah satu lagi bukti kebijaksanaan memerang. Walaupun rumah mereka diseliputi salji atau permukaan kolam beku, memerang tinggal di dalam rumah mereka dengan selesa, terima kasih kepada langkah-langkah yang mereka mengambil lebih awal.



di atas tasik, mungkin tidak satupun perincian ini yang kita terfikir tentangnya. Tetapi sahabat kita ini berfikir ke hadapan dan mengerjakan apa yang perlu dibuat. Sudah tentu Allahlah yang telah melengkapkan mereka dengan kemahiran untuk memikirkan perincian yang sebegini teliti dan mengajar mereka apa yang perlu dilakukan.

Sekali lagi Karim memikirkan tentang kakaknya, seperti yang telah kamu sedia maklum, adalah seorang jurutera awam. Dia telah belajar selama beberapa tahun dan bekerja keras untuk menjadi seorang jurutera. Karim masih ingat ketika dia memasuki bilik kakaknya dan melihat kerja sekolahnya. Kemudian baru dia mengetahui bahawa dia melukis benda-benda seperti bangunan, jambatan dan lain-lain. Dia terperanjat apabila dia melihat





hasil kerjanya dan tidak memahami apa-apapun. Apa yang dilakukannya memerlukan ketekunan yang tinggi, sukar dan rumit. Terdapat banyak garisan-garisan dan rajah-rajah di atas kertas yang tidak diketahui apakah maksudnya. Dia bertanya kepada kakaknya apakah semuanya itu, dan dia terperanjat apabila mendapat tahu sebuah bangunan akan dibina berdasarkan kepada lukisan-lukisan ini.

Sehingga hari tersebut, dia tidak mengetahui bahawa kejuruteraan awam begitu sukar. Tambahan pula, kakaknya telah memberitahunya bahawa dia hanya berurusan dengan reka bentuk bangunan sahaja. Pada peringkat berikutnya, pekerja-pekerja akan datang untuk bekerja dan membina bangunan, menggunakan berbagai peralatan dan material.

Karim: Ini sungguh menarik. Kamu membina rumah kamu berdasarkan kepada satu pelan yang telah dibuat terlebih dahulu sama seperti Zainab. Setiap benda yang kamu lakukan menunjukkan kebijaksanaan yang hebat. Saya masih ingat kakak saya bekerja keras selama beberapa jam untuk membuat perkiraan-perkiraan yang rumit...

Imran: Kamu betul. Saya juga memikirkan tentang Zainab. Tetapi sahabat kecil kita ini melakukan kerja-kerja berat sama seperti Zainab lakukan. Ini juga menunjukkan kemahiran menakjubkan yang dianugerahkan Allah kepada mereka. Bagaimanapun, sahabat kecil, sekarang

masanya untuk kami kembali semula ke perkhemahan. Terima kasih banyak-banyak di atas segalanya. Kamu telah memberikan jawapan kepada semua soalan-soalan yang Karim ingin ketahui. Sekarang kami mesti ucapkan selamat tinggal.

Karim: Saya juga hendak mengucapkan terima kasih. Saya amat gembira dengan perbualan kita. Tetapi saya tidak mahu mengucapkan selamat tinggal. Saya ingin melawat kamu lagi, jika kamu tidak kisah.

Encik dan Puan Memerang: Selamat tinggal, Karim. Sudah tentu kamu boleh menziarahi kami bila-bila masa sahaja yang kamu mahu. Mungkin kamu hendak melihat rumah kami disempurnakan. Selamat tinggal.

Karim merasa kagum dengan tugas-tugas yang dilakukan oleh memerang-memerang ini. Sekarang semua soalan-soalannya telah terjawab, dia ingin kembali ke perkhemahan dan memberitahu orang lain tentang apa yang telah dipelajarinya.



ALLAH YANG MENJADIKAN MEMERANG


Jadi kamu telah mempelajari tentang memerang bersama dengan Karim. Seperti yang dapat kamu saksikan, terima kasih kepada kemahiran-kemahiran yang dimilikinya semenjak lahir, sahabat baru Karim ini dapat mereka bangunan, yang merupakan satu tugas yang sangat sukar dan rumit. Kemudian mereka melaksanakan pelan ini dengan kemahiran yang hebat. Tidak seperti kakak Karim, memerang tidak pergi ke sekolah, dan juga tidak dilatih beberapa tahun. Tetapi mereka mengetahui dengan tepat apa yang hendak dilakukan, kerana terdapat Kekuasaan Tertinggi yang mengajar mereka semua perkara-perkara ini. Iaitu Allah, yang menjadikan semuanya, termasuk kita.

Ingat! Seekor memerang tidak dapat memperoleh kemahiran untuk membina empangan secara kebetulan. Ia tidak dapat menjadikan tubuhnya bersesuaian dengan keperluannya. Ia tidak dapat menemui sendiri bentuk untuk membina empangan yang cukup kuat untuk menahan tekanan air. Dan yang lebih penting, ia tidak dapat memastikan memerang-memerang lain memperoleh kemahiran yang sama.



Apabila kamu membaca buku atau menonton filem tentang haiwan, ingatlah bahawa mereka telah dijadikan oleh Allah





Terdapat satu lagi fakta yang mesti dicatatkan: Memerang tidak akan dapat hidup jika kekurangan salah satu sifat-sifatnya. Contohnya cuba kita fikirkan tentang giginya. Jika gigi belakang mereka, walaupun tidak haus, terus tumbuh seperti gigi kacip hadapan, ia akan menjadi terlalu besar, dan memberikan tekanan kepada rahang dan menyebabkannya tidak dapat menggunakan mulutnya.

Bagaimana memerang dapat mengerit dan membina empangan dalam keadaan ini? Bagaimana ia dapat membina rumahnya? Sudah tentu ia tidak akan dapat melakukan semua perkara-perkara ini. Malah ia juga tidak dapat makan disebabkan oleh struktur mulutnya, jadi sudah tentu ia akan mati kebuluran.

Tambahan pula, banyak organ-organ lain selain daripada giginya telah dijadikan khusus untuk kerja-kerja yang mereka lakukan. Kelopak mata lut sinar untuk melindungi matanya ketika berada di dalam air seperti juga cara istimewa yang menutup telinga dan lubang hidungnya untuk menghalang air masuk, adalah di antara sifat-sifat yang dimiliki oleh memerang. Selain daripada itu, memerang juga




mempunyai kaki belakang yang berkulit selaput dan ekor yang keras dan rata, yang membantu haiwan ini menjadi perenang yang hebat. Semua ini adalah sifat-sifat istimewa yang memerang miliki sejak lahir.

Sekarang, sudah tentu kami faham mengapa Karim merasa begitu kagum dengan sahabat kecilnya.



Sahabat kecil Karim memiliki struktur tubuh ini, dan pengetahuan dan kemahiran untuk membina empangan sejak lahir. Semua memerang membina rumah mereka dengan panduan Allah dan bergerak berdasarkan kepada apa yang telah "didorong" oleh-Nya agar mereka melakukannya. Allah Yang Maha Kuasa telah menjadikan makhluk-makhluk ini dan memberikan mereka kemahiran hebat.

Allah menjadikan semua hidupan dengan sifat-sifat yang paling sesuai untuk tugas-tugas yang mereka lakukan dan memenuhi keperluan mereka. Allah pengasih kepada semua hidupan. Seperti yang Allah nyatakan di dalam Al-Quran:



"Sesungguhnya Tuhan kamu hanya Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, yang meliputi pengetahuan-Nya akan tiap-tiap sesuatu".

(Surah Ta Ha:98)



Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".

(Surah Al-Baqarah:32)

Terbitan Bahasa Melayu

Kanak-kanak



HARUN YAHYA



LEBAH MADU

Pembina Sarang Yang Sempurna



MEMERANG

Pembina Empangan Yang Mahir



SEMUT

Dunia Sahabat Kecil Kita



Keindahan di Langit



Mari Kita Pelajari Islam



Keajaiban Ciptaan Allah

Untuk senarai lengkap, lawati
www.saba.com.my